Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor atau Pemastautin (menetap di Selangor 15 tahun dan ke atas)** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

---

(a) **JAWATAN** : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29

(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap

(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Kumpulan Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)

(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Pendidikan

(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **1 Oktober 2023**

(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

GRED GAJI	**MINIMUM** (RM)	**MAKSIMUM** (RM)	**KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN**
DG29	1,698.00	5,717.00	145.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   a. warganegara Malaysia;

   b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   c. **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DG29**

      i. Diploma dalam bidang perguruan daripada institusi Perguruan tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
      GRED DG29 [Gaji permulaan ialah pada : RM1,698.00]; atau

      ii. Diploma dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
      GRED DG29 [Gaji permulaan ialah pada : RM1,844.44]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

BIDANG PENGKHUSUSAN MENGAJAR YANG DIPERLUKAN

3. Pendidikan Islam

DESKRIPSI TUGAS

4. Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas perguruan.